

# POLITIK GENDER: PERBANDINGAN PERANAN WANITA DAN PROSES POLITIK DI MALAYSIA-JEPUN: HALANGAN DAN PROSPEK

**Khairunnisa Ahmad Hamidi**

[hananisha87@gmail.com](mailto:hananisha87@gmail.com),

[nisa87@siswa.um.edu.my](mailto:nisa87@siswa.um.edu.my)

**Zakaria Mustafa**

Department of East Asian Studies

Faculty Art and Social Sciences

University Of Malaya

[pakya28@hotmail.com](mailto:pakya28@hotmail.com)

## ABSTRAK

*Pada tahun 1940-an, pergerakan wanita di Malaysia sebelum mencapai kemerdekaan lebih menjurus ke arah perjuangan menuntut kemerdekaan dan menjaga kebajikan kaum ibu Malaya. Perjuangan wanita di Jepun sebelum Perang Dunia Kedua lebih menjurus dalam aspek kesamarataan dan kebebasan bersuara di samping menjaga kebajikan kaum wanita di Jepun. Selepas kemerdekaan Malaysia, peluang luas terbuka kepada wanita untuk terlibat dalam politik. Pilihan Raya Umum pertama pada tahun 1959 telah menyaksikan kemenangan kerusi parlimen Jitra dan Padang Terap yang di wakili oleh Ibu Zain dan Fatimah Hashim. Kemenangan ini menggalakkan lebih ramai wanita terlibat dalam politik dan bertanding dalam pilihan raya. Takako Doi pencetus era 'madonna boom' telah mengubah corak politik wanita di Jepun selepas kerajaan Jepun menandatangani CEDAW sebagai jaminan bahawa kesamarataan gender di Jepun di perbaharui dan wanita mendapat peluang sepenuhnya untuk bersuara bagi menjaga kebajikan mereka. Perbandingan peranan wanita Malaysia dan Jepun dalam politik dipengaruhi oleh sistem pengurusan dan pentadbiran politik di kedua-dua Negara. Kajian artikel ini dibangunkan dengan kaedah penyelidikan kualitatif dengan mengkaji status dan peranan wanita dalam politik, usaha yang dilakukan oleh mereka untuk memperkasakan politik wanita, mengenalpasti masalah dan halangan yang di hadapi oleh wanita dalam usaha untuk mengambil bahagian dalam politik dan akhir sekali mencadangkan langkah-langkah yang mungkin bagi memperkasakan peranan wanita dalam politik di kedua Negara. Ramalan awal kajian memperlihatkan wujud perbandingan kedua-dua negara terhadap peranan wanita dalam politik. Namun, perbandingan tersebut menunjukkan kecenderungan yang sedikit berbeza berdasarkan faktor sejarah, latar belakang penglibatan wanita dalam politik, aspek agama dan perspektif masyarakat setempat.*

**Kata Kunci:** *Peranan Wanita Dalam Politik, Proses Politik Wanita, Halangan dalam Politik, Prospek dan Langkah-Langkah bagi Memperkasakan Peranan Wanita dalam Politik*

## PENGENALAN

Sejarah politik wanita di Jepun telah mula berkembang dan bergiat aktif selepas Perang Dunia kedua pada tahun 1946 selepas pihak bersekutu memberi kebebasan kepada golongan wanita untuk terlibat dalam proses pemilihan sekaligus melibatkan diri dalam bidang politik.<sup>1</sup>Namun, posisi dan peranan wanita Jepun telah jauh berubah jika dibandingkan dengan keadaan sebelum perang. Boleh diklasifikasikan bahawa golongan wanita semasa zaman feudal, fungsi dan peranan mereka sangat berbeza dimana pada awal pemerintahan sistem beraja Jepun sekitar awal abad ke-enam wanita pernah menjadi pemimpin sehinggalah ia dijatuhkan fungsinya pada akhir abad ke-lapan. Kemudian peranan wanita mula dipersoalkan apabila kaum lelaki diutamakan dalam sistem kekeluargaan mahupun dalam aspek politik dan pemerintahan. Hal ini mula di pertikaikan hak kesamarataan antara wanita dan lelaki pada awal abad ke-20.

Semasa Perang Dunia Pertama (1914-1918) dan Perang Dunia Kedua (1941-1945) wanita ketika ini dikerah melakukan pelbagai tugas antaranya menjadi buruh di kilang dan sawah padi memandangkan ketika ini Jepun mengalami masalah ekonomi dan perlu memberi bekalan makanan kepada golongan tentera.<sup>2</sup>Namun ada juga golongan wanita yang bangkit mempertahankan hak mereka iaitu pada tahun 1911, artikel mengenai “Wanita Baru” ditulis dalam majalah Seitoshia (せいとしや) yang diterbitkan oleh Reicho Hiratsuka membincangkan tentang masalah wanita. Manakala pada tahun 1919 pula Hiratsuka juga telah bekerjasama dengan Fusae Ichikawa telah menubuhkan “New Women Association” (しんふじんきょかい) yang memperjuangkan hak wanita dalam politik dan penghapusan undang-undang wanita terhadap politik<sup>3</sup>.

Selepas Jepun kalah dalam Perang Dunia Kedua, pihak bersekutu telah menduduki Jepun. Di bawah pemerintahan Amerika, wanita boleh memperbaiki kedudukan mereka. Hal ini ada dinyatakan dalam Artikel 14 dan 15 dimana tiada diskriminasi dalam politik, sosial, ekonomi terhadap bangsa, jantina, pangkat dan keturunan serta hak kesamarataan antara lelaki dan perempuan.<sup>4</sup>Buat pertama kalinya pada tahun 1946 wanita mendapat hak untuk terlibat dalam pemilihan pilihan raya dan hak mengundi.

Sejak wanita memperolehi hak pemilihan pada tahun 1945, terdapat 20 pemilihan untuk Dewan Pilihan Raya (DPR) dan 18 untuk Majlis. Jumlah wanita dalam pemilihan tersebut telah melebihi pemilih dari pihak lelaki hampir setiap pemilihan sejak tahun 1968. Terdapat 68 ahli wanita dalam Diet pada Julai 1999 (9,0% dari jumlah keseluruhan), 25 di DPR (5.0%) dan 43 dalam Majlis (17.1%).<sup>5</sup>Dalam Ahli

---

<sup>1</sup>Endah H. Wulandari. (2008) MANABU: Journal of Japanese Studies, Representasi Perempuan Dalam Institusi Politik Jepang, Volume.2 No.2, May 2008. Halaman 53.

<sup>2</sup>Berstein Gail Lee. (1991) *Recreating Japanese Women, 1600-1945*, Berkeley: University Of California Press. Halaman 209.


<sup>3</sup>Endah H. Wulandari. (2008) MANABU: Journal of Japanese Studies, Representasi Perempuan Dalam Institusi Politik Jepang, Volume.2 No.2, May 2008. Halaman 53.

<sup>4</sup>Berstein Gail Lee. (1991) *Recreating Japanese Women, 1600-1945*, Berkeley: University Of California Press. Halaman 16.

<sup>5</sup>[http://www.gender.go.jp/english\\_contents/women2000/s2.html](http://www.gender.go.jp/english_contents/women2000/s2.html). Diakses pada 20 March 2010.

Majlis Penasihat Wanita Jepun, jumlah wanita yang berada dalam dewan ini ialah 54 orang. Manakala Ahli Majlis Perwakilan Jepun seramai 52 orang.

Pada peringkat awal penglibatan wanita dalam politik, antara tahun 1960 dan 1970, kemasukan wanita dalam Dewan Undangan (*Lower House*) dan Dewan Perwakilan (*Upper House*) dilihat kurang mendapat sokongan yang baik daripada parti politik, LDP (Liberal Demokratik Parti). Hal ini dapat dilihat apabila jumlah wanita dalam Dewan Rakyat iaitu Dewan Undangan menurun secara radikal semenjak pilihanraya tahun 1949 hingga 1990. Namun begitu, pada tahun 1989, peratusan wanita dipilih dalam Dewan Perwakilan telah meningkat daripada 8.8% kepada 13.1%. Peningkatan ini juga mungkin disebabkan oleh pengaruh politik Takako Doi dari JSP (*Japan Socialist Party*) yang mulai masuk dalam parti tersebut pada tahun 1986. Walaupun wanita melebihi 50% blok pengundi dalam kedua Dewan pada tahun 1989, namun peratusannya masih tidak seimbang berbanding dengan pengundi lelaki. Hal ini dapat dilihat dalam gambar rajah 1 dibawah dimana kaum lelaki masih dominan dalam politik dan pentadbiran di Jepun walaupun Jepun adalah sebuah Negara yang maju abad ini.



Rajah 1

Merujuk jadual 1, penglibatan wanita dalam parlimen turut merekodkan jumlah yang tidak sekata setiap tahun semenjak biro kesaksamaan gender ditubuhkan pada tahun 1994. Namun dari segi *ranking*, tahun 2000 menunjukkan Jepun di tahap yang selesa di tangga ke 78 berbanding dengan tahun-tahun selepasnya yang mana *ranking* wanita dalam parlimen di Jepun semakin jatuh ke bawah sehingga berada di tangga ke 106 pada tahun 2011. Pada tahun 2004, Ibu Pejabat bagi Kesaksamaan Gender telah dibuhkan di bawah kabinet Jepun. Dalam tempoh yang sama, Pejabat dan Majlis Kesaksamaan Gender juga ditubuhkan dibawah perintah jemaah menteri di Pejabat Perdana Menteri. Objektif utama pejabat dan majlis bagi kesaksamaan gender ditubuhkan adalah untuk menggalakkan lebih ramai wanita terlibat dalam proses pembuat keputusan dasar di samping mencapai tujuan utamanya iaitu 'mencapai kadar penyertaan wanita dalam politik 20% sebelum akhir tahun kewangan 2000'. Merujuk kepada jadual 2, objektif ini tercapai apabila pada 31 Mac 2000, peratusan ahli jawatankuasa wanita telah mencapai sehingga 20.4% dan meningkat sebanyak 0.05% pada 30 September 2000. Inisiatif dan desakan yang dibuat pada Mei 1996 oleh pihak ibu pejabat bagi promosi kesaksamaan gender telah menggalakkan wanita untuk terlibat dan menjadi ahli politik dan ahli majlis di Jepun.

<i>Japanese Women In National Parliaments</i>									
<i>Year</i>	<i>Rank</i>	<i>Lower or Single House</i>				<i>Upper House or Senate</i>			
		<i>Elections</i>	<i>Seats*</i>	<i>Women</i>	<i>%W</i>	<i>Elections</i>	<i>Seats*</i>	<i>Women</i>	<i>%W</i>
<b>2011</b>	<b>106</b>	<b>8 2009</b>	<b>480</b>	<b>52</b>	<b>10.8</b>	<b>7 2010</b>	<b>242</b>	<b>45</b>	<b>18.6</b>
2010	95	8 2009	480	54	11.3	7 2010	242	42	17.4
2009	104	8 2009	480	54	11.3	7 2007	242	44	18.2
2008	105	9 2005	480	45	9.4	7 2007	242	44	18.2
2007	99	9 2005	480	45	9.4	7 2002	242	35	14.5
2006	105	9 2005	480	45	9.4	07 2004	242	34	14.0
2005	99	9 2005	480	43	9.0	07 2004	242	33	14.0
2004	99	11 2003	480	34	7.1	07 2004	242	38	13.6
2003	97	11 2003	480	34	7.1	07 2001	247	38	15.4
2002	96	06 2000	480	35	7.3	07 2001	247	38	15.4
2001	86	06 2000	480	35	7.3	07 2001	247	38	15.4
<b>2000</b>	<b>78</b>	<b>06 2000</b>	<b>480</b>	<b>35</b>	<b>7.3</b>	<b>07 1998</b>	<b>252</b>	<b>43</b>	<b>17.1</b>
1999	89	10 1996	500	23	4.6	07 1998	252	43	17.1
1998	86	10 1996	500	23	4.6	07 1995	252	35	13.9
1997	79	10 1996	500	23	4.6	07 1995	252	35	13.9

Jadual 1<sup>6</sup>

\* Figure correspondent to the number of seats currently filled in parliament

***Promotion of appointments of women as Council members***

	<i>Number of Councils</i>	<i>Total Number of Members</i>	<i>Number of Female Members</i>	<i>Percentage of Female Members of the Total</i>
1980/06/01	199	4,504	186	4.1
1985/06/01	206	4,664	255	5.5
1988/03/31	203	4,509	297	6.6
1989/03/31	203	4,511	304	6.7
1990/03/31	204	5,559	359	7.9
1991/03/31	203	4,433	398	9.0
1992/03/31	200	4,497	432	9.6
1993/03/31	203	4,560	472	10.4

<sup>6</sup><http://www.wipu.org/wmn-e/arc/classif301111.htm>. Diakses pada 01 Mac 2012.

1994/03/31	200	4,478	507	11.3
1995/03/31	203	4,496	589	13.1
1996/03/31	205	4,511	699	15.5
1997/03/31	209	4,532	751	16.6
1998/03/31	206	4,441	782	17.6
1999/03/31	202	4,354	812	18.6
<b>2000/03/31</b>	<b>199</b>	<b>4,201</b>	<b>857</b>	<b>20.4</b>

Jadual 2<sup>7</sup>

Lewat tahun 1950an, dalam konteks pembangunan negara, wanita masih dianggap sebagai surirumah, isteri dan ibu sahaja. Hal ini boleh dilihat melalui pendekatan-pendekatan yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam dasar-dasar pembangunannya pada waktu itu. Kebanyakan program berkaitan dengan perancang keluarga, menjarakkan kehamilan, kesihatan ibu dan anak-anak. Caroline Moser (1989) melihat pembangunan di atas sebagai pendekatan kebajikan (*welfare approach*). Menurut Moser, dalam konteks ini wanita dilihat sebagai penerima dasar kepada proses pembangunan yang dibuat dan bukannya rakan kepada pembangunan itu sendiri.<sup>8</sup>

Namun demikian dalam era 1950an, terdapat juga golongan elit wanita di Tanah Melayu yang mula bergerak ke arena politik seperti Fatimah Hashim, Ibu Zain dan Khatijah Sidek.<sup>9</sup> Golongan ini mula berpartisipasi secara aktif dalam aktiviti kemasyarakatan, termasuk bidang politik. Penglibatan wanita dalam politik dilihat sebagai satu perkembangan yang amat baik dalam memastikan penyertaan mereka seiringan dengan agenda pembangunan negara.

Menurut sejarah kemerdekaan Malaysia, wanita telah bekerja keras dalam usaha membantu negara mendapatkan kemerdekaan negara daripada kuasa British di Tanah Melayu. Suara-suara mereka amat kuat sehingga akhirnya British bersedia memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Dalam dekad 1960an, beribu wanita telah keluar dari kampung ke bandar untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai pekerja kilang di kawasan Zon Industri Bebas.<sup>10</sup> Jelas, wanita semeraangnya memainkan peranan penting dalam agenda pembangunan negara.

Setelah mencapai 50 tahun kemerdekaan, wanita di Malaysia semakin maju ke hadapan seiring dengan matlamat pembangunan negara. Malah terdapat beberapa tokoh wanita yang amat dikagumi dalam pelbagai sektor, antaranya perbankan, ekonomi, pendidikan, undang-undang, hiburan dan

<sup>7</sup> [http://www.gender.go.jp/english\\_contents/category/table2.html](http://www.gender.go.jp/english_contents/category/table2.html). Diakses pada 01 Mac 2012.

<sup>8</sup> Proses perubahan wanita dalam pembangunan. Pada era 1950an konsep wanita lebih dikenali sebagai "Women in Development" iaitu wanita hanya sebagai penerima dasar sebelum beralih kepada konsep "Women and Development" iaitu wanita sebagai rakan kongsi pembangunan. Bacaan lanjut boleh merujuk kepada buku Moser, Caroline O.N, *Gender Planning in The Third World: Meeting Practical and Strategical Gender Needs* (eds) dalam *World Development*. Vol. 17/11, 1989, hal 1799-1825 yang dipetik dalam buku *Wanita dan Keadilan*.

<sup>9</sup> Lenore Manderson. (1970) *Women Politics and Change, The Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945- 1972*. Kuala Lumpur, Oxford University Press. Halaman 11.

<sup>10</sup> Rohana Arifin. (1995) *Malaysian Women in the Modern Era, from the Copenhagen*, *Journal of Asian Studies*. Halaman, 71-75.

sebagainya.<sup>11</sup> Kebolehan wanita sebagai pemimpin terbukti dengan adanya wanita yang Berjaya menjawat jawatan penting dalam sektor kerajaan dan swasta.

Pada masa ini, terdapat ramai wanita telah berjaya mengetuai organisasi dalam sektor awam dan swasta termasuk korporat. Antara tokoh wanita berjaya ialah Dato' Seri Shahrizat Jalil (Ahli Politik), Dato Seri Wan Azizah Wan Ismail (Ketua Pembangkang), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz (Ketua Gabenor Bank Negara), Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid ( Mantan Pegawai Tadbir dan Diplomatik), Datuk Zarinah Anwar (Penolong Ketua Eksekutif Securiti Commission Malaysia), Zainah Anwar (Pengarah 'Sisters In Islam', NGO) dan tidak terkecuali kejayaan wanita dalam bidang pengarahan filem seperti Yasmin Ahmad yang menjadi pencetus pembaharuan dalam karya filem dan banyak lagi.

Namun begitu apabila dikaji dengan lebih terperinci lagi, rekod wanita dalam politik tidaklah begitu membanggakan. Menurut sarjana Ilmu Politik, Dr Rashila Ramli, pemilihan wanita dalam proses pilihan raya adalah tidak telus kerana unsur gender lebih mempengaruhi berbanding dengan kredibiliti kepimpinan.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Negara Jepun dianggap sebagai salah satu Negara yang mempunyai status ekonomi paling berkuasa di dunia walaupun pernah lumpuh seketika akibat bencana alam yang berlaku. Namun begitu pada pendapat pengkaji, Jepun telah berhadapan satu masalah yang dianggap penting dalam aspek penglibatan wanita dalam politik dan kesaksamaan gender. Oleh itu, pengkaji telah mengenalpasti beberapa persoalan yang akan menghurai lebih terperinci berkenaan masalah tersebut bagi mencapai objektif kajian di samping memberi garis panduan kepada pengkaji untuk mencari maklumat yang terperinci berdasarkan skop kajian yang ingin dikaji.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Tajuk ini dikaji adalah untuk mengatahui lebih mendalam mengenai aspek politik wanita yang menjadi tonggak utama dalam sesebuah pentadbiran akhir-akhir ini. Selain itu, pengkaji ingin meninjau sejarah penglibatan wanita dalam politik dan perkembangannya dalam abad ke-21 ini dalam aspek sosiobudaya dan kesaksamaan gender di Jepun dan Malaysia. dalam konteks ini, pengkaji memberi tumpuan kepada perbandingan peranan wanita di Malaysia dan Jepun terhadap penglibatan mereka dalam politik di samping melihat halangan-halangan yang dihadapi.

---

<sup>11</sup> Tokoh- tokoh Wanita di Malaysia di dalam *She: A Tribute to The Women of Malaysia* sumber dari Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian artikel ini dibangunkan dengan kaedah penyelidikan kualitatif dengan mengkaji status dan peranan wanita dalam politik, usaha yang dilakukan oleh mereka untuk memperkasakan politik wanita, mengenalpasti masalah dan halangan yang di hadapi oleh wanita dalam usaha untuk mengambil bahagian dalam politik dan akhir sekali mencadangkan langkah-langkah yang mungkin bagi memperkasakan peranan wanita dalam politik di kedua Negara. Data primer diperolehi melalui temubual semi berstruktur dengan pihak yang mengkhusus dalam politik Jepun dan Malaysia.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dalam kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati senario kepimpinan wanita yang berjaya di mata dunia telah membuka lembaran baru ke dalam sistem pentadbiran di Malaysia mahupun Jepun. kaum wanita telah diberi peluang dalam memegang beberapa portfolio dalam kabinet seperti Datin Paduka Rafidah Aziz, Datin Paduka Zaleha Ismail, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman dan Datuk Azalina Othman. Manakala di Jepun seperti Takako Doi, Fusae Ohta, Kiyomi Tsujimoto, Makiko Tanaka, Mitsuko Horiuchi, Mizuho Fukushima, Sadako Ogata dan Tamako Nakanishi.

### **Peranan dan Fungsi Wanita Di Malaysia**

Dalam masyarakat traditional, peranan kaum wanita adalah terhadap kepada peranan pembantu (*supporting role*) kepada kaum lelaki. Hal ini dapat dilihat daripada jenis-jenis tugas yang mereka lakukan, seumpamanya peranan mereka dalam pekerjaan sawah adalah untuk membantu suami. Dalam bidang politik dan pemerintahan status kaum wanita telah bertambah baik dan sekiranya dilihat dalam perkembangan status mereka sama tinggi dengan lelaki. Hal ini dapat dilihat apabila kaum wanita diberikan hak mengundi seawal-awal usia penubuhan Negara Malaysia.<sup>12</sup>

### **Peranan Wanita Dari Sudut Politik**

Di Malaysia khususnya apabila kaum wanita terutama kaum muslimah melibatkan diri di dalam bidang politik untuk sama-sama membangunkan negara maka akan terdengar pelbagai pandangan akan penglibatan mereka. Maka timbulah pelbagai persoalan dari penglibatan mereka dalam politik seperti sejauhmanakah Islam membenarkan kaum muslimah bergerak cergas dalam arena politik? Bolehkah seseorang muslimah bertanding untuk menjadi wakil rakyat di Dewan Undangan Negeri atau Parlimen? Adakah Islam merestui wanita dilantik menjadi Perdana Menteri sebagaimana yang berlaku di setengah-setengah negara hari ini seperti Pakistan atau Bangladesh?

Oleh yang demikian jika diteliti akan peranan yang boleh diberikan oleh wanita dalam membangunkan negara khususnya dari segi politik antaranya ialah wanita itu boleh menjadi penasihat kepada suami mereka. Ini dapat kita lihat jika seseorang wanita itu bersuamikan orang politik maka

---

<sup>12</sup> Ainon Muhammad (2001, Mac 15). Modenisasi dan Implikasinya Terhadap Peranan Serta Fungsi Kaum Wanita. Dewan Masyarakat. Halaman 6-8.

ianya boleh melibatkan dirinya secara tidak langsung dengan memberi nasihat dari segi keputusan yang telah dibuat atau dilaksanakan oleh suaminya yang mungkin tidak bersesuaian dengan kaum wanita.<sup>13</sup>

Demikian juga wanita boleh melibatkan diri untuk membangunkan negara secara aktif melalui pelbagai pertubuhan NGO seperti PERTIWI dan HAWA. Melalui pertubuhan-pertubuhan inilah mereka boleh menyalurkan pelbagai ideal dan cadangan dalam usaha untuk membangunkan Negara sama ada dari segi pendidikan, keagamaan, sosial, budaya dan ekonomi. Melalui NGO juga mereka boleh membantu membangunkan negara dengan memastikan kesejahteraan dan keharmonian masyarakat terutamanya mengemaskinikan undang-undang dan akta-akta yang boleh mengawal kemakmuran.

Namun begitu jika dikaji dan diteliti akan penglibatan atau peranan yang kaum wanita khususnya kaum muslimah di negara ini untuk membangunkan negara adalah amat kecil dan terhad sekali sumbangan mereka malah tidak kedengaran langsung dari wanita di dalam dewan Undangan Negeri dan Parlimen.

Di antara faktor-faktor yang berkaitan yang membataskan sumbangan kaum wanita dalam pembangunan negara ialah mereka terlalu terikat dengan tradisi dan budaya masyarakat timur yang menjadi identiti masyarakat di negara ini. Ini adalah kerana wanita timur terkenal dengan sifat sopan santun dan berbudi pekerti baik dan mulia serta lemah lembut. Demikian juga dengan faktor perkahwinan ianya merupakan salah satu daripada faktor yang membataskan dan menghalang kaum wanita dari memberi penuh perhatian dan tumpuan dalam usaha untuk membangunkan negara. Ini adalah kerana apabila seseorang wanita itu menjadi pemimpin maka sudah tentu ianya terpaksa membahagikan masanya di antara keluarga dan kerjayanya.

### **Penyertaan Wanita Di Bidang Politik Masih Rendah**

Semenjak merdeka, bilangan calon wanita yang telah dipilih untuk memasuki badan badan pembuat keputusan politik di Malaysia semakin bertambah, tetapi hanya pada kadar yang sederhana dan masih berada di tahap yang rendah. Pada tahun 1990, hanya 5 peratus daripada ahli-ahli parlimen terdiri daripada wanita. Bilangan ini telah berganda sebanyak 10 peratus pada tahun 1999 tetapi ia telah kekal di tahap tersebut walaupun selepas pilihanraya umum pada tahun 2004<sup>14</sup>(Mohamad Razak Idris, 2000). Dengan pendidikan di peringkat yang tinggi, yang seringkali melebihi lelaki, adalah diharapkan wanita-wanita dapat melibatkan diri dengan sepenuhnya di setiap peringkat politik.

Penglibatan wanita di dalam arena politik merupakan objektif Milenium tersendiri. Memperkasakan wanita di dalam arena politik mempunyai potensi untuk membawa perubahan di dalam masyarakat. Penglibatan mereka di dalam badan-badan pentadbiran di peringkat kebangsaan dan juga tempatan boleh membawa kepada dasar-dasar dan undang-undang yang memfokuskan kepada wanita, kanak-kanak dan keluarga.

---

<sup>13</sup> Faridah Idris, (2004, September 1). Wanita dalam Arus Pembangunan: Menyusun Strategi "Pandang Ke Depan". Dewan Masyarakat. Halaman 50-51

<sup>14</sup> Mohammad Razak Idris, (2000, April 1). Dilema Wanita Bekerja. Dewan Masyarakat. Halaman 32-33



Tetapi walaupun halangan-halangan untuk menyertai parliman-parlimen peringkat kebangsaan dan tempatan telah pun dihapuskan hampir di setiap negara, ia masih tidak mencukupi untuk memberikan keseimbangan gender di dalam pentadbiran. Walaupun ruangan dan proses-proses politik telah terbuka, bilangan wanita di dalam jawatan-jawatan yang boleh membuat keputusan masih tidak meningkat secara automatik. Pihak kerajaan, dengan kerjasama pertubuhan wanita dan parti politik, mempunyai peranan yang penting dalam menyokong kuasa politik wanita. Mereka melakukannya dengan menyokong isu-isu yang sensitif terhadap gender di kalangan pegawai atau menubuhkan forum-forum dasar yang komprehensif, seperti kementerian wanita dan biro-biro. Sungguhpun begitu, pandangan serta tindakan terhadap gender yang berubah dalam kerajaan dan politik, walaupun berjaya, hams disusuli dengan sumber-sumber yang bersesuaian termasuklah kemahiran-kemahiran yang sepatutnya<sup>15</sup> (Natacha David, 1998).

Penglibatan wanita di dalam badan perundangan negara, kerajaan tempatan dan proses-proses keamanan bukan sahaja dapat merubah keadaan politik semasa - ia juga merubah masa depan, memandangkan dengan adanya wanita di dalam arena politik juga akan mengubah pandangan masyarakat terhadap wanita dan gadis dan peranan mereka di dalam membuat keputusan.

### **Peranan dan Pengaruh Wanita Di Jepun**

Mengikut rekod China, 147-190 T.M, Jepun sentiasa berada dalam peperangan sehingga munculnya pemerintah wanita. Pengembara-pengembara China ke Jepun semasa Dinasti Wei (220-265 T.M), dan merasa kagum dengan pemerintahan wanita Jepun dan memberi gelaran 'Queen Country' kepada Jepun.<sup>16</sup> Hal ini juga turut diceritakan dalam Kojiki (712 AD) dan Nihon Shoki (720 AD) pada zaman Nara mengenai sosial dan struktur politik pada awal abad.

Semasa zaman Asuka (538-645 AD) dan zaman Nara (710-794AD) separuh daripada pemerintah Jepun ialah wanita. **Maharani Suiko** adalah pemerintah wanita yang pertama menaiki takhta pada tahun 592-628. Beliau memerintah bersama dengan Putera Shotoku Taishi yang merupakan anak saudaranya. Maharani Suiko merupakan seorang yang berkebolehan kerana beliau telah mengimport nilai-nilai China ke Jepun termasuk sistem tanah, seni kesusasteraan dan tulisan, ajaran Konfusianisme dan agama Buddha.<sup>17</sup> Kemudian diikuti oleh **Maharani Jitto** (687-697) yang bertanggungjawab menyusun undang-undang asas Jepun yang dikenali sebagai Kod Taiho pada 701 T.M. Di samping itu juga, **Maharani Gemmyo** (707-715) telah menubuhkan ibu kota tetap yang pertama di Nara. Kepimpinan wanita dan status wanita Jepun sudah mula jatuh kerana kaum bangsawan Fujiwara merasa marah dengan perbuatan Maharani Koken tersebut apabila dikatakan telah menjalinkan hubungan sulit dengan seorang sami Buddha. Walaupun begitu, Maharani Koken yang memerintah pada tahun 729-749 AD merupakan seorang penaung sastera yang utama dengan mengumpul Manyoushu.

Pada zaman Heian (794-1195), golongan wanita lebih cenderung kepada aktiviti pembacaan, penulisan dan tidak terlibat dengan politik. Dari aspek pendidikan mereka terhad kepada pembelajaran

<sup>15</sup> Natacha David, (1998). *International Women's Day: Women in the Economic*. El Publication.

<sup>16</sup> Lebra Joyce. (1977), *Women in Changing Japan*, United States of America: West view Press. Halaman 3.

<sup>17</sup> Jane Condon. (1993), *Japanese Women: A Half Step Behind*, Vermont & Tokyo: Charles E. Tuttle Company. Halaman3.

seperti muzik, puisi, sajak, tarian, adat chanoyu, ikebana dan kerja rumah. Sementara wanita golongan atasan belajar bahasa Jepun seperti tulisan Hiragana. Walaupun Mereka tidak terlibat dalam politik namun ada juga wanita yang dihormati kerana kedudukannya dan kelebihanannya misalnya Murasaki Shikibu telah menulis novel "Genji Monogatari".<sup>18</sup> Wanita ketika ini juga dihormati sekiranya terlibat dalam latihan memanah, berlawan dan berpendidikan. Namun keluarga Fujiwara pada abad ke-12 telah mempergunakan golongan wanita dalam hal politik untuk mempertahankan kedudukan mereka. Misalnya dalam ayat-ayat berikut,

*"To begin with, Fujiwara no Fuhito married two of his daughters to two successive emperors: Fujiwara no Miyoko was married in 697 to emperor Mommu and gave birth to the future emperor Shomu, then Shomu was eventually married to his aunt, Fuhito's younger daughter (later Empress Komyo) by this influential wife Agata no Inukai no Tachibana no Michiyo."*<sup>19</sup>

Semasa kerajaan zaman Kamakura (1195 -1333) dan Muromachi (1392-1568), banyak perubahan telah berlaku dan menyebabkan penurunan taraf wanita. Kemuncak pengaruh agama Buddha dan ajaran Konfusius telah mengurangkan jurang perbezaan antara lelaki dan wanita. Pada zaman Shogun Tokugawa (1603- 1867) kedudukan wanita paling rendah dalam masyarakat. Wanita pada ketika ini digalakkan menghafal 'Onna Daigaku' (Pelajaran Agung Untuk Wanita) Pada awal Era Joei (1334-1338) dan Zaman Ashikaga (1338-1392), wanita diberi kebebasan dan hak untuk berkahwin serta mewarisi harta. Namun pada abad ke-16 lelaki lebih berkuasa dalam hal ehwal perkahwinan.

Pembaharuan Meiji pada tahun 1868 menunjukkan bahawa system Feudal telah dihapuskan dan pembaharuan *Charter Oath* dilakukan dengan menggariskan lima panduan atau prinsip ke arah mencapai kemodenan Jepun. Salah satunya ialah pembahagian masyarakat mengikut kedudukan perlu dihapuskan. Wanita diberi kesempatan untuk belajar supaya menjadi wanita yang 'progressive' seperti di Barat. Pendidikan ini bertujuan mengenang kembali kedudukan mereka dan menanam rasa tanggungjawab untuk memperjuangkan hak wanita dalam bersuara dan berpolitik.

Semasa Perang Dunia Pertama (1914-1918) dan Perang Dunia Kedua (1941-1945) wanita ketika ini dikerah melakukan pelbagai tugas antaranya menjadi buruh di kilang dan sawah padi memandangkan ketika ini Jepun mengalami masalah ekonomi dan perlu memberi bekalan makanan kepada golongan tentera.<sup>20</sup> Namun ada juga golongan wanita yang bangkit mempertahankan hak mereka iaitu pada tahun 1911, artikel mengenai "Wanita Baru" ditulis dalam majalah Seitoshu (せいとしや) yang diterbitkan oleh Reicho Hiratsuka membincangkan tentang masalah wanita. Manakala pada tahun 1919 pula Hiratsuka juga telah bekerjasama dengan Fusae Ichikawa telah menubuhkan "New Women

<sup>18</sup> Gen Itasaka. (1995), Nazlifa Md. Ali penterjemah, *Pintu Masuk Ke Jepun Pendudukan Dan Masyarakatnya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia. Halaman 198-199.

<sup>19</sup> *Kadansha Encyclopedia Of Japan*. (1983), Tokyo: Kodansha Ltd., Vol.8. Halaman 258.

<sup>20</sup> Berstein Gail Lee. (1991), *Recreating Japanese Women, 1600-1945*, Berkeley: University Of California Press. Halaman 209.

Association” (しんふじんきょかい) yang memperjuangkan hak wanita dalam politik dan penghapusan undang-undang wanita terhadap politik<sup>21</sup>.

Selepas Jepun kalah dalam Perang Dunia Kedua, pihak bersekutu telah menduduki Jepun. Di bawah pemerintahan Amerika, wanita boleh membaiki kedudukan mereka. Hal ini ada dinyatakan dalam Artikel 14 dan 15 dimana tiada diskriminasi dalam politik, sosial, ekonomi terhadap bangsa, jantina, pangkat dan keturunan serta hak kesamarataan antara lelaki dan perempuan.<sup>22</sup> Buat pertama kalinya pada tahun 1946 wanita mendapat hak untuk terlibat dalam pemilihan pilihan raya dan hak mengundi .

Sejak wanita memperoleh hak pemilihan pada tahun 1945, terdapat 20 pemilihan untuk Dewan Pilihan Raya (DPR) dan 18 untuk Majlis. Jumlah wanita dalam pemilihan tersebut telah melebihi pemilih dari pihak lelaki hampir setiap pemilihan sejak tahun 1968. Terdapat 68 ahli wanita dalam Diet pada Julai 1999 (9,0% dari jumlah keseluruhan), 25 di DPR (5.0%) dan 43 dalam Majlis (17.1%). (Peralihan jumlah dan nisbah Ahli Diet wanita dalam 50 tahun terakhir ditunjukkan dalam jadual 3 di bawah.)<sup>23</sup>

NUMBER OF FEMALE MEMBERS IN THE DIET									
	Diet as a Whole			House of Representatives			House of Councillors		
	Total	Female	%	Total	Female	%	Total	Female	%
Nov. 1950	699	24	3.4	449	12	2.7	250	12	4.8
Sep. 1960	698	24	3.4	451	11	2.4	247	13	5.3
Jan. 1970	734	22	3.0	486	8	1.7	248	14	5.6
Jul. 1980	762	26	3.4	511	9	1.8	251	17	6.8
Feb. 1990	763	45	5.9	512	12	2.3	251	33	13.1
Mar. 1995	753	51	6.8	503	13	2.6	250	38	15.2
Mar. 1996	746	48	6.4	494	12	2.4	252	36	14.3
Mar. 1997	752	57	7.6	500	23	4.6	252	34	13.5
Mar. 1998	750	60	8.0	499	24	4.8	251	36	14.3
Mar. 1999	750	68	9.1	498	25	5.0	252	43	17.1

Jadual 3<sup>24</sup>

<sup>21</sup> Endah H. Wulandari. (May 2008), MANABU: Journal of Japanese Studies, Representasi Perempuan Dalam Institusi Politik Jepang, Volume.2 No.2. Halaman 35.

<sup>22</sup> Bernstein Gail Lee. (1991), *Recreating Japanese Women, 1600-1945*, Berkeley: University Of California Press. Halaman 16.

<sup>23</sup> [http://www.gender.go.jp/english\\_contents/women2000/s2.html](http://www.gender.go.jp/english_contents/women2000/s2.html). Diakses pada 20 March 2010.

<sup>24</sup> Ibid.

KABINET	MENTERI	JAWATAN DALAM KEMENTERIAN
<b>Ikeda Seisaku</b> (Julai 1960)	~Nakayama Masa ~ Kondo Tsuruyo	~ Kesejahteraan ~ Ilmu Pengetahuan Teknologi dan Riset
<b>Nakasone Yasuhiro</b> (November 1982)	~ Ishimoto shige	~ Lingkungan
<b>Kaifu Toshiki</b> (Ogos 1989)	~ Takahara Sumiko ~ Moriyama Mayumi ~ Santo Akiko	~ Perencanaan Ekonomi ~ Sekretaris Kabinet ~ Ilmu Pengetahuan Teknologi dan Riset
<b>Miyazawa Kiichi</b> (November 1991)	~ Moriyama Mayumi	~ Pendidikan
<b>Hosokawa Morihiru</b> (Ogos 1993)	~ Akamatsu Yoshiku ~ Kubota Manae ~ Hironaka Wakako	~ Pendidikan ~ Perencanaan Ekonomi ~ Lingkungan

**Jadual 4: Kedudukan Wanita Jepun Dalam Kementerian<sup>25</sup>**

Prefektur	Mayor
Fusae Ohta (Osaka) 2000-2009	Ms Kitamura (Ashiba City)
Yoshiku Shiotani (Kumamoto) 2001-2009	Higuchi (Hasuda City)
Akiko Domoto (Chiba) 2001-2008	MS Uehara (Tokyo)
Harumi Takashi (Hokkaido) 2003 – now	Fumiko Hayashi (Yokohama) 2009- now
Yukiko Kada (Shiga) 2006 - now	
Mieko Yoshimura (Yamagata) 2009 - now	
Masako Mori (Fukushima) 2007	
Seiko Noda (Gifu)	

**Jadual 5: Wanita Jepun Dalam Kerajaan Tempatan<sup>26</sup>**

<sup>25</sup> Asmadi Hassan, Md.Nasruddin Md.Akhir, Rohayati Paidi.(2009), Dinamisme Gabenor Wanita Dalam Kerajaan Tempatan Jepun, Jurnal Sarjana Jilid 24, Bilangan 1.

<sup>26</sup> Endah H. Wulandari. (May 2008), MANABU: Journal of Japanese Studies, Representasi Perempuan Dalam Institusi Politik Jepang, Volume.2 No.2. Halaman 46.

Dalam Ahli Majlis Penasihat Wanita Jepun, jumlah wanita yang berada dalam dewan ini ialah 54 orang. Antaranya termasuklah :

Kumiko Aihara	Shinobu Kandori	Hisako Oishi	Wakako Hironaka
Ai Aoki	Emi Kaneko	Masako Okawara	Fusae Ichikawa
Haruko Arimura	Shidzue Katō	Tomiko Okazaki	Midori Ishii
Keiko Chiba	Yoriko Kawaguchi	Kiyoko Ono	Keiko Itokazu
Akiko Dōmoto	Mieko Kobayashi	Chikage Oogi	Akiko Kamei
Mizuho Fukushima	Yuriko Koike	Yoshiko Ōtaka	Tomoko Kami
Yasue Funayama	Yoko Komiyama	Ren Ho	Mieko Kamimoto
Toshiko Hamayotsu	Kuniko Koda	Yukiko Sakamoto	Akira Matsu
Seiko Hashimoto	Yoriko Madoka	Akiko Santo	Masako Mori (politician)
Kumiko Hayashi	Hiroe Makiyama	Chiyako Shimada	Yuko Mori
Yumiko Himei	Tamayo Marukawa	Aiko Shimajiri	Tama Morita
Yoko Wanibuchi	Kuniko Tanioka	Kyoko Nakayama	Mayumi Moriyama
Eriko Yamatani	Emiko Uematsu	Chieko Nohno	
Haruko Yoshikawa	Saori Yoshikawa	Atsuko Shimoda	

Manakala Ahli Majlis Perwakilan Jepun seramai 52 orang. Berikut ialah jadual senarai wanita yang pernah berada dalam Majlis tersebut:

Tomoko Abe	Makiko Kikuta	Nobuko Okashita
Toshiko Abe	Yuriko Koike	Tomiko Okazaki
Ai Aoki	Yasuko Komiyama	Kazumi Ota
<b>Takako Doi</b>	Yoko Komiyama	Yukari Sato
Makiko Fujino	Mitsue Kondo	Tenkoko Sonoda
Noriko Furuya	Kazuko Kōri	Michiyo Takagi
Motoko Hirotsu	Kaori Maruya	Chizuko Takahashi
Yukari Iijima	Midori Matsushima	Miho Takai
Yasuko Ikenobo	Mayumi Moriyama	Sanae Takaichi
Ikuko Ishii	Keiko Nagaoka	Masayo Tanabu
Tomomi Inada	Fukuyo Nakamori	Makiko Tanaka
Kuniko Inoguchi	Hiroko Nakano	Naomi Tokashiki
Nobuko Iwaki	<b>Nakayama Masa</b>	Shinako Tsuchiya
Kyoko Izawa	Kyoko Nishikawa	Kiyomi Tsujimoto
Yōko Kamikawa	Katsuko Nishimoto	Akiko Yamanaka
Satsuki Katayama	Chinami Nishimura (politician)	Eriko Yamatani
Shidzue Katō	Seiko Noda	Yūko Obuchi
Shika Kawajo		

**Nakayama Masa** merupakan wanita yang telah banyak berjuang mempertahankan kepentingan wanita semenjak penglibatan pertamanya dalam kabinet Jepun pada tahun 1960 dengan memegang jawatan sebagai Menteri Kesihatan dan Kebajikan Jepun.<sup>27</sup>

Di samping itu, wanita juga turut terlibat dalam kementerian yang mana jumlahnya semakin meningkat iaitu sebanyak 20 orang. Hal ini dapat dilihat seperti jadual berikut:

<b>Keiko Chiba</b> Mizuho Fukushima Toshiko Hamayotsu Wakako Hironaka Kuniko Inoguchi Yōko Kamikawa Yoriko Kawaguchi Yūko Obuchi	Yuriko Koike Mayumi Moriyama Nakayama Masa Kyoko Nakayama <b>Seiko Noda</b> Chieko Nohno	Kiyoko Ono Chikage Oogi Hiroko Ōta Akiko Santo Sanae Takaichi Makiko Tanaka
---	---	--

**Keiko Chiba** pernah menjadi Menteri Keadilan pada 16 Oktober 2009 manakala **Seiko Noda** pernah menjadi Menteri Pos dan Telekomunikasi pada 30 Julai 1998 merangkap menteri wanita pertama Jepun.

Terdapat beberapa pengaruh utama wanita dalam politik Jepun antaranya ialah:

- i. Memajukan dasar kesamarataan gender.
- ii. Menaikkan pegawai wanita dalam kerajaan
- iii. Mempopularkan dasar bandar kerajaan tempatan
- iv. Menetapkan haluan utama gender di semua daerah
- v. Menubuhkan dan atau meningkatkan kesamarataan jawatan gender
- vi. Mengubah bandar mereka melalui penyertaan warga negara
- vii. Mengurangkan usia persaraan pesuruhjaya kesejahteraan sosial untuk membolehkan lebih ramai pesuruhjaya muda masuk dan mengubah budaya kerja dalam bidang ini
- viii. Mendidik ketua bandar dan meningkatkan kesedaran mereka tentang isu-isu wanita
- ix. Memberi wang ansuran pelupusan mesin memproses dapur (ekonomi)
- x. Memperbaiki proses pembuatan keputusan politik tempatan yang tidak rasmi oleh pembuatan keputusan politik di kedai minuman keras atau tempat minuman yang lain.

<sup>27</sup> Endah H. Wulandari. (May 2008), MANABU: Journal of Japanese Studies, Representasi Perempuan Dalam Institusi Politik Jepang, Volume.2 No.2.Halaman 46.

Sejak akhir 1980-an, gerakan untuk meningkatkan wakil perempuan dalam politik telah meningkat. Gerakan ini digelar sebagai "**revolusi senyap wanita Jepun**". Gerakan ini telah berjaya menghapus alasan tradisional bahawa "wanita tidak boleh menjadi ahli politik". Berikut merupakan pertubuhan dan kumpulan wanita yang telah memberikan sumbangan untuk perubahan wanita ke arah politik dan pengaruh yang dimainkan persatuan tersebut :

#### 1- **Ichikawa Fusae Memorial Association (Persatuan Memorial Fusae Ichikawa)**

Pada tahun 1994, persatuan ini ditubuhkan bagi melatih wanita untuk bertanding dalam pilihan raya tempatan yang menawarkan kursus teori dan praktikal untuk bertanding dalam pilihan raya dan pendidikan politik wanita<sup>28</sup>. Terdapat seramai 36 daripada 93 orang peserta yang mengikuti kursus ini untuk pilihan raya pada tahun tersebut. Hasil daripada persatuan ini seramai 24 orang menang. Latihan tersebut kemudian diubah menjadi dua kursus iaitu satu mata kuliah baru bagi bakal calon wanita dan kursus lain untuk menjadi ahli dalam Dewan mahupun wanita atau lelaki.<sup>29</sup> Setiap kursus terdiri daripada sepuluh sesi, yang biasanya dihadiri oleh peserta dari daerah-daerah terpencil namun hal menimbulkan kesulitan kerana lokasi yang jauh dan memakan masa yang lama untuk sampai ke kursus tersebut.<sup>30</sup>

Kandungan kursus meliputi maklumat tentang kempen pemilihan undang dan peraturan, politik tempatan dan pentadbiran, cara berkesan untuk merendahkan kos dalam kempen pilihanraya. Misalnya Ichikawa Fusae dalam kempen politiknya, beliau mengamalkan prinsip bersih dalam kempen pilihanraya dengan kos rendah dalam perbelanjaan. Prinsip Ichikawa dalam kempennya adalah calon harus menjadi orang yang berpotensi mendapat sokongan ramai. Sebuah dana kempen dibina untuk sumbangan daripada penyokong.<sup>31</sup> Kursus latihan di atas sangat berkesan dalam meningkatkan jumlah wanita dalam politik tempatan dan dalam 'pembersihan' kempen pilihanraya tempatan. Tambahan pula, kursus ini telah menyumbang politik tempatan menjadi lebih lancar dan telus.

Kursus latihan *Ichikawa Memorial Association Fusae* secara substantifnya paling berkesan daripada semua kursus latihan yang diadakan untuk perwakilan wanita dalam politik. Malangnya, kursus ini disediakan hanya di Tokyo, dan merupakan halangan kepada mereka yang tinggal di luar Tokyo.

#### 2- **Training courses for new female candidates**

Pada tahun 1996 di Osaka bandar kedua terbesar di Jepun, sebuah Back-Up School (pelatihan sahaja) yang ditubuhkan oleh dua orang perempuan yang telah menyertai Persidangan Dunia Keempat tentang wanita yang diadakan di Beijing pada tahun 1995. Ramai golongan wanita yang menyertai latihan ini telah berjaya dalam bidang politik hal ini kerana terdapat akhbar melaporkan kisah sukses mereka secara meluas di Jepun misalnya Senator Yoriko Madoka dan Senator Mizuho

<sup>28</sup> Asmadi Hassan, Md.Nasruddin Md.Akhir, Rohayati Paidi. (2009), *Dinamisme Gabenor Wanita Dalam Kerajaan Tempatan Jepun*, Jurnal Sarjana Jilid 24, Bilangan 1.Halaman 49.

<sup>29</sup> *Japan Report, State Of Women in Urban Local Government Japan*. Halaman 12.

<sup>30</sup> *Japan Report, State Of Women in Urban Local Government Japan*. Halaman 12.

<sup>31</sup> Ibid.

Fukushima. Hampir 20 prototaip kursus telah ditubuhkan di seluruh Jepun. Sebilangan besar peserta kursus menjadi penasihat tempatan. Kursus ini terdiri daripada tujuh atau lapan sesi peraturan dan undang-undang mengenai kempen pilihanraya umum, cara berkempen, pengalaman penasihat tempatan, kegiatan pemerintah daerah, dan permasalahan dalam politik.<sup>32</sup>

Parti Demokratik dan Parti Demokratik Sosialis memberikan latihan kursus ini kepada wanita dengan fokus agar mereka yakin dalam pemilihan dan hadapan khalayak ramai. Ahli parlimen wanita seperti di atas, telah menyelenggarakan latihan kursus ini untuk berkempen bagi menjadi wakil wanita dalam politik.<sup>33</sup>

#### **4- Aktiviti Badan bukan Kerajaan (NGO)**

NGO Jepun telah melobi parti-parti politik untuk memasukkan ahli wanita dan meningkatkan jumlah calon wanita baik di bandar mahupun luar bandar. Selain itu, dalam pilihan raya tempatan, NGO dan kumpulan-kumpulan wanita telah memilih dan berkempen untuk calon mereka sendiri. Kumpulan ini disebut "Kumpulan untuk Menghantar Lebih Ramai Wanita ke Perhimpunan Tempatan". Satu rangkaian yang dipanggil "Kempen Meningkatkan Wanita dalam Poltik" telah ditubuhkan berkaitan dengan 1999 Pilihanraya Tempatan Bersatu. Ahli pusat rangkaian ini ialah peserta Jepun dari Forum Wanita Asia dan Pisifik dalam Politik Keempat yang diadakan di Manila pada Sepetember 1998. Kempen ini memberi fokus utama kepada mengurangkan jumlah prefektur, bandaraya, pekan dan kampung yang tidak mempunyai wakil wanita dalam perhimpunan tempatan. Sekurang-kurangnya seorang wanita telah dilantik di 10 prefektur yang tidak mempunyai ahli wanita sebelum ini.

Ciri pelik bagi kerajaan tempatan di Jepun ialah penglibatan wakil konsumer. Pada akhir 1970an, NGO telah Berjaya melobi untuk perwakilan bagi pihak kumpulan konsumer dalam kerajaan tempatan metropolitan. Gerakan ini telah berkembang meliputi sejumlah besar kerajaan tempatan. Gerakan perwakilan ini bertujuan untuk membekalkan saluran untuk suara dan persepektif akar umbi. Oleh keranan majoriti ahli kerjasama konsumer ialah wanita, majoriti wakil selalunya wanita. Isu yang menjadi topik mereka seperti alam sekitar, isu konsumer, pendidikan, dan kebajikan sosial kepada majlis dan perhimpunan tempatan masing-masing. Gerakan ini telah menghadapi dua halangan utama kepada usaha menjadi lebih berkesan. Pertama, wakil (dilantik dari keahlian kumpulan konsumer) selalunya tidak mempunyai pengalaman politik sebelum ini dan keduanya wakil hanya dibenarkan berkhidmat untuk dua tempoh.<sup>34</sup>

---

<sup>32</sup> *Japan Report, State Of Women in Urban Local Government Japan* . Halaman 13.

<sup>33</sup> *Ibid*

<sup>34</sup> *Japan Report, State Of Women in Urban Local Government Japan*. Halaman 14.



Namun, kebanyakan kerajaan tempatan di Jepun telah menetapkan matlamat jumlah dan masa bagi penglibatan wanita dalam majlis penasihat kepada kerajaan. Untuk membantu dalam mencapai matlamat ini, kebanyakan kerajaan tempatan telah membentuk sebuah senarai atau pengkalan data pakar wanita. Sejumlah kecil kerajaan kecil dengan penglibatan wanita yang rendah, seperti Prefektur Hiroshima, telah memulakan kursus pembangunan kapasiti wanita untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam politik.<sup>35</sup> Namun, kebanyakan kerajaan tempatan tidak ingin menyusun kursus latihan untuk lenglibtaan wanita dalam politik, kerana mereka bimbang dituduh mendiskriminasikan ahli politik lelaki.

### **Memperkasa Wanita Dalam Politik**

Mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa wanita adalah perlu untuk mencapai pembangunan sosial, ekonomi, dan politik. Kini, anak-anak gadis dan wanita masih terus menerima manfaat daripada perkhidmatan kesihatan dan pendidikan di mana wanita melebihi lelaki dari segi kemasukan dan juga pencapaian akademik di dalam pelbagai situasi. Wanita-wanita dunia kini semakin aktif melibatkan diri dalam politik dan lain-lain inisiatif seperti pertubuhan dan badan-badan yang memberi kepentingan dan bantuan kepada wanita khususnya terutama dalam menjaga kebajikan wanita di seluruh dunia.

### **KESIMPULAN**

Secara rumusannya, perjuangan wanita untuk membela nasib kaum sejenis dan memainkan peranan mereka dalam pembangunan Negara masing-masing menampakkan kesan yang nyata, meskipun masih belum begitu cemerlang memandangkan halangan-halangan yang menjadi cabaran untuk wanita terus maju. Tidak harus meletak wanita sebagai golongan lemah kerana mereka juga berkemampuan dan berkredibiliti. Peranan wanita sebagai isteri, ibu dan tidak kurang juga sebagai pemimpin perlu dititiberatkan. Usaha-usaha yang konsisten ke arah meningkatkan tahap penglibatan wanita dalam pasaran buruh, perniagaan dan politik perlu diperhalusi lebih mendalam oleh pihak kerajaan dan pengkaji masa kini.

---

<sup>35</sup> Ibid.

## RUJUKAN

- Ainon Muhammad (2001, Mac 15). Modenisasi dan Implikasinya Terhadap Peranan Serta Fungsi Kaum Wanita. Dewan Masyarakat.
- Asmadi Hassan, Md.Nasruddin Md.Akhir, Rohayati Paidi.(2009), Dinamisme Gabenor Wanita Dalam Kerajaan Tempatan Jepun, Jurnal Sarjana Jilid 24, Bilangan 1.
- Berstein Gail Lee. (1991) *Recreating Japanese Women, 1600-1945*, Berkeley: University Of California Press. Halaman 209.
- Endah H. Wulandari. (2008) MANABU: Journal of Japanese Studies, Representasi Perempuan Dalam Institusi Politik Jepang, Volume.2 No.2, May 2008. Halaman 53.
- Faridah Idris, (2004, September 1). Wanita dalam Arus Pembangunan: Menyusun Strategi “Pandang Ke Depan”. Dewan Masyarakat.
- Gen Itasaka. (1995), Nazlifa Md. Ali penterjemah, Pintu Masuk Ke Jepun Pendudukan Dan Masyarakatnya, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [http://www.gender.go.jp/english\\_contents/women2000/s2.html](http://www.gender.go.jp/english_contents/women2000/s2.html). Diakses pada 20 March 2010.
- <http://www.wipu.org/wmn-e/arc/classif301111.htm>. Diakses pada 01 Mac 2012.
- Japan Report, State Of Women in Urban Local Government Japan.
- Kadansha Encyclopedia Of Japan. (1983), Tokyo: Kodansha Ltd., Vol.8.
- Lebra Joyce. (1977), *Women in Changing Japan*, United States of America: West view Press.
- Lenore Manderson. (1970) *Women Politics and Change, The Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945- 1972*, Kuala Lumpur, Oxford University Press.
- Mohammad Razak Idris, (2000, April 1). Dilema Wanita Bekerja. Dewan Masyarakat
- Natacha David, (1998). *International Women’s Day: Women in the Economic*. El Publication.
- Rohana Arifin.(1995), *Malaysian Women in the Modem Era, from the Copenhagen*. Journal of Asian Studies.